



# جياتن كحاكيمن شرعية هليسيا

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5  
Takwim : 5 Zulkaedah 1421  
Tarikh : 29 Januari 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

### **Arahan Amalan No. 3 Tahun 2001**

#### **Perakuan Segera Dan Perintah Sementara**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9-11 Oktober 2000 di Melaka dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 17 di Labuan 27 Oktober 2000 bersamaan dengan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan berhubung Perakuan Segera dan Perintah Sementara sesuatu kes. Permohonan Perakuan Segera ini hendaklah terus didengar pada hari difailkan atau paling lewat dalam tempoh 7 hari dari tarikh difailkan bergantung kepada alasan yang dikemukakan.

2. Perintah sementara boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rendah yang berbidangkuasa atas permohonan pihak-pihak semasa prosiding kes sedang berjalan. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

(Dato' Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Kuala Lumpur  
2 Febuari 2001